

Kit Siang minta kabinet bertindak hentikan kebencian kaum dan agama
Malaysian Insider
July 8, 2014
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Lim Kit Siang (gambar) hari ini menyelar Putrajaya yang tidak berbuat apa-apa untuk mencegah kebencian kaum dan agama di kalangan rakyat Malaysia walaupun menteri kabinet menyedari perpaduan nasional semakin rapuh di negara ini.

Ketua Parlimen DAP itu berkata, menteri kabinet harus menyatakan kesediaan mereka berhenti berdiam diri agar peristiwa rusuhan kaum 13 Mei tidak berulang di Malaysia.

"Mengapa kabinet tidak berbuat sesuatu untuk mencegah aktiviti yang menyemarakkan kebencian kaum dan agama yang dicetuskan segelintir pihak melampau dalam masa setahun yang lepas?"

"Adakah mesyuarat kabinet esok akan mengakhiri polisi tidak berbuat apa-apanya yang melihatkan perpaduan nasional semakin rapuh dengan memberi keutamaan kepada isu bagaimana untuk memastikan 13 Mei tidak akan berulang di Malaysia?" katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lim berkata DAP dan Pakatan Rakyat tidak akan bersetuju atau bertolak-ansur dengan mana-mana ancaman 13 Mei tetapi bersedia bekerjasama dengan Umno dan BN untuk memastikan 13 Mei tidak berulang.

Lim mengulas kenyataan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin Abu Bakar semalam yang mendakwa beliau memutarbelitkan peringatan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkenaan 13 Mei.

Khairy menyifatkan kenyataan Muhyiddin itu sebagai peringatan positif dan bukannya satu ancaman seperti didakwa Lim sebelum ini.

Katanya, Lim mempunyai niat kurang baik dan tidak prihatin kepada fakta sejarah pihak yang terlibat.

"Apakah motif Lim yang memutarbelitkan maksud timbalan perdana menteri dan menganggap ia sebagai satu ancaman? Bagi saya ini adalah perkara biasa baginya yang sentiasa bersangka buruk dan mensensasikan isu dengan niat tidak bertanggungjawab.

"Mungkin Lim harus bermuhasabah dan fikir apa yang beliau dan partinya menyumbang kepada perpaduan nasional yang semakin rapuh hari ini," katanya dalam satu kenyataan.

Lim bertanya siapa Khairy yang mahu mempertahankan Muhyiddin dan beberapa menteri kabinet lain yang tidak memandang serius amaran itu.

Katanya, Muhyiddin selaku timbalan perdana menteri kepada semua kaum sepatutnya mengukuhkan perpaduan nasional dalam masyarakat majmuk tetapi tidak berbuat demikian.

"Saya tidak mahu membazir masa dengan hujah Khairy yang menyesatkan itu. Muhyiddin memang memberi amaran dengan mendakwa 13 Mei akan berlaku jika hubungan kaum semakin teruk.

"Ini kerana katanya Melayu dan Islam sedang diancam, padahal ia adalah kenyataan berat sebelah dan tidak berasas," katanya. – 8 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kit-siang-minta-kabinet-bertindak-hentikan-kebencian-kaum-dan-agama#sthash.xq6lAtJ9.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kit-siang-minta-kabinet-bertindak-hentikan-kebencian-kaum-dan-agama>